

Utusan Malaysia : 23 September 2015

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

ASAS KUKUH KEHARMONIAN BERMULA DI SEKOLAH

Cadangan bagi memansuhkan sekolah vernakular di negara ini tidak perlu dilihat sebagai satu ancaman kepada bahasa ibunda masing-masing. Sebaliknya perlu dilihat secara positif kerana langkah tersebut mampu merencana perpaduan dalam kalangan pelajar sejak kecil lagi.

Pihak-pihak yang menentang cadangan ini tersalah faham dengan agenda sebenar langkah ini yang hanya bertujuan untuk menyatukan rakyat berbilang kaum dinegara ini.

Kerajaan perlu menyakinkan pihak-pihak yang yang menentang cadangan tersebut bahawa langkah ini tidak akan mengancam identiti, sebaliknya dapat mengukuhkan keharmonian rakyat.

Ibu bapa juga perlu dijelaskan berhubung model pendidikan tersebut supaya penerimaan itu lebih meluas serta dapat memahami dengan lebih baik lagi budaya serta cara hidup antara satu sama lain.

Sistem pendidikan satu aliran akan membantu dalam mewujudkan integrasi kaum seawal peringkat kanak-kanak, sekaligus mewujudkan masyarakat yang harmoni dan berdaya saing. Kita mahu perhubungan kaum ini benar-benar berlaku dan tidak dipaksa-paksa. Sistem yang dicadangkan ini diharap dapat menghasilkan hubungan yang kukuh diantara pelajar berbilang kaum. Ia asas kepada perpaduan kaum yang jitu dan harmoni di masa depan.

Sekiranya diperingkat kanak-kanak lagi pendidikan dibuat secara berasingan, berdasarkan kaum dan bahasa, maka sampai bila pun akan wujud ruang perbezaan dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Kita harus sedar bahawa pendidikan adalah asas kepada pembentukan generasi akan datang. Perpaduan adalah nilai yang amat berharga dalam tamadun sesebuah negara. Justeru, perjuangan bagi mewujudkan sekolah satu aliran wajar didilihat dan dinilai dalam kontek yang lebih luas dan rasional.

Dalam konteks sistem pendidikan, kita harus memahami bahawa sekolah adalah institusi paling penting sekali dalam pembinaan kekuatan satu satunya bangsa. Dengan sekolah satu aliran, penyampaian mesej perpaduan akan mudah dicapai kerana semua orang bercakap dan menulis dalam satu bahasa. Ini dapat direalisasikan melalui tugas guru di sekolah dalam membentuk kekuatan dan jati diri bangsa seseorang itu.

Secara perbandingan, negara Perancis, Jepun dan China antara negara begitu bangga dengan bahasa kebangsaan mereka. Menjadi prasyarat penting menguasai bahasa kebangsaan dalam urusan membabitkan kepentingan negara seperti bidang perniagaan, perindustrian dan pendidikan sosial. Mereka juga tidak memandang rendah kepentingan bahasa lain, khasnya bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi penting dunia dan bahasa ilmu.

Dalam hal ini kita perlu realistik Tanpa penguasaan yang baik dalam bahasa Inggeris adalah sukar bagi para pelajar menyambung pelajaran di luar negara dan menjamin peluang pekerjaan kerana mereka perlu mempunyai kebolehan berinteraksi dengan baik diperingkat antarabangsa.

Cadangan semua sekolah pelbagai jenis diserapkan di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan sebenarnya pernah diilhamkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, ketika itu Menteri Pelajaran yang diterjemahkan dalam Penyata Razak 1956 dan menyamai cadangan Jawatankuasa Barnes 1951. Malangnya cadangan ini tidak dilaksanakan hingga hari ini. Ternyata sistem pendidikan negara kini adalah ciptaan penjajah British.

Ingin di tegaskan, sekolah satu aliran tidak bermaksud untuk meminggirkan bahasa-bahasa lain untuk terus digunakan dan dipertuturkan. Bahasa ibunda lain adalah penting bagi menyokong kesinambungan masyarakat majmuk dan potensi bahasa itu sendiri di tempat tertentu di peringkat global.

Selepas 57 tahun kita merdeka, kini sudah sampai masanya semua pihak menerima kenyataan bahawa pendidikan satu aliran adalah jalan terbaik untuk menghapuskan polarisasi kaum dan pada masa yang sama mengukuhkan hubungan kepelbagaiannya kaum di negara ini. Ini selaras dengan apa yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia, yang memperuntukkan bahasa di Malaysia ialah bahasa Melayu.

Di mana-mana negara sekalipun, pendidikan adalah asas pembinaan yang amat penting bagi membentuk satu bangsa yang kukuh. Di negara jiran, Indonesia yang sejak dahulu lagi sudah melihat sekolah satu aliran rupa medium penting untuk penyatuan bangsa dan formula itu ternyata sekali sangat berjaya. Ini kerana di sekolah satu aliran semua anak-anak belajar membaca dan berkomunikasi dalam satu bahasa yang sama. Bukan sahaja semuanya akan memahami apa yang cuba disampaikan bahkan lebih penting. Mesej perpaduan sangat mudah untuk dicapai. Kita sedia maklum perpaduan adalah matlamat sesebuah kerajaan yang memimpin masyarakat majmuk seperti di Malaysia.

Bahasa Melayu perlu dijadikan bahasa pengantar utama dalam sistem satu aliran ini kerana bahasa ini merupakan bahasa perpaduan dan kesatuan berbagai kaum di Malaysia. Disamping itu, , Mandarin, Tamil perlu didedahkan dan Arab yang merupakan bahasa al-Quran mesti diajarkan dalam sistem satu aliran ini. Rasa kebanggaan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan perlu ada dalam

hati setiap rakyat Malaysia. Salah satu cara yang boleh digunakan adalah dengan cara menyokong usaha kearah itu, tidak kira sama ada dalam bidang perundangan, ekonomi, kesihatan, sejarah dan apa sahaja dalam kehidupan harian mereka.

Bagi merealisasikan cadangan tersebut, sistem pendidikan di negara ini juga perlu diperkuuh supaya pihak-pihak yang gusar kehilangan identiti mampu menerima cadangan ini. Kerajaan wajar membuat ketetapan bahawa bahasa Melayu harus menjadi bahasa pengantar utama termasuk di sekolah-sekolah Cina dan Tamil.

Semua warganegara mesti menyedari bahawa perpaduan dan identiti nasional mesti bermula di sekolah. Penguasaan bahasa kebangsaan bukan sekadar untuk tujuan komunikasi semata-mata tetapi apa yang penting ia juga sebagai tanda kasih dan sayangnya mereka menikmati kehidupan di bumi Malaysia.